

26 OCT 2003

Samy-MIC/I

MIC AKAN LANCAR KEMPEN PILIHAN RAYA AGRESIF, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) - MIC akan mengadakan konvensyen peringkat kebangsaan melibatkan semua 4,300 ketua cawangan, bahagian dan negeri pada 9 Nov bagi melancarkan kempen agresif sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata konvensyen sehari itu yang akan diadakan di Shah Alam, Selangor bertujuan menggerakkan kekuatan parti dalam menghadapi pilihan raya umum dan menggariskan strategi pilihan raya.

"Ia akan menjadi perhimpunan pemimpin-pemimpin parti yang terbesar pernah diadakan," kata Samy Vellu.

Beliau berkata perhimpunan itu juga akan membincangkan perkara-perkara yang dianggap "amat penting" kepada Barisan Nasional untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Anggota dan ketua-ketua MIC akan diberi taklimat mengenai bagaimana untuk menghadapi pelbagai cabaran pada pilihan raya umum akan datang," kata Samy Vellu.

Menteri Kerja Raya itu berkata parti berharap dapat menggariskan strategi dan cara untuk memperoleh sokongan lebih besar kaum India terhadap BN. MIC telah menjalankan kempen besar-besaran mendaftar pengundi kaum Inida dengan bantuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Samy Vellu berkata kini semakin ramai kaum India menyertai MIC dan setakat ini, MIC telah mendaftarkan lebih 600,000 orang sebagai anggotanya, dengan majoriti daripada mereka merupakan pengundi berdaftar.

"Kami akan memastikan setiap anggota MIC akan menjadi pengundi berdaftar sebelum pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata setiap ketua cawangan MIC akan "dilengkapi dengan kemahiran yang sesuai" untuk menjadikan mereka bijak berkempen untuk BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Pilihan raya umum menjadi keutamaan kita sekarang ini dan parti akan berusaha keras," katanya.

Samy Vellu berkata konvensyen itu juga akan merakamkan sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri pada Jumaat ini.

"Kami akan mengulangi ikrar kami untuk memberikan kerjasama penuh kami kepada Perdana Menteri baru dan juga berikrar untuk memastikan kemenangan penuh BN pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Samy Vellu berkata perhimpunan 9 Nov itu juga akan merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau sifatkan sebagai "Wira Agung" atas jasa dan sumbangan Dr Mahathir dalam memastikan kemakmuran rakyat dan negara ini.

Beliau berkata pelbagai kempen pilihan raya akan dilancarkan bagi memastikan kemenangan besar Barisan Nasional kerana ini merupakan pilihan raya umum pertama bagi gabungan itu di bawah pimpinan Abdullah.

"Kami mahu memastikan majoriti besar diperolehi untuk menjadikan pilihan raya umum akan datang sebagai satu pilihan raya bersejarah," katanya dan menurutnya MIC yakin dengan sokongan padu masyarakat India.

Samy Vellu berkata MIC akan menubuhkan jawatankuasa di peringkat negeri dan bahagian melibatkan pengerusi cawangan, pergerakan wanita dan Pemuda "untuk menggariskan strategi bagi memastikan kemenangan semua calon BN".

-- BERNAMA

ES HK RHM

